

# Kerajaan belanja hampir RM900j setahun untuk bantu warga emas

Berita Harian (17/1/2022) Page 1

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan membelanjakan hampir RM900 juta setiap tahun bagi menyalurkan bantuan dan penjagaan warga tua di seluruh negara, termasuk mereka yang ditempatkan di 15 institusi kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Daripada jumlah itu, hampir RM40 juta disalurkan setiap tahun bagi membiayai kos penjagaan golongan berkenaan di rumah kebajikan JKJ, manakala kira-kira RM70 juta setiap bulan atau RM840 juta setahun diperuntukkan untuk pelbagai bantuan kepada 138,000 warga emas.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff, berkata bagi setiap warga emas di pusat jagaan JKJ, kerajaan membelanjakan RM1,400 sebulan antaranya bagi penyediaan makanan, pakaian, ubat-ubatan dan keperluan lain.


Katanya, selain kos operasi,

peningkatan peruntukan itu disebabkan kos penjagaan dan penyediaan makanan dan keperluan harian, termasuk lampin pakai buang yang turut meningkat.

Sehubungan itu, beliau berkata, wang yang digunakan kerajaan untuk penjagaan warga emas boleh dikurangkan sekiranya wujud kesedaran yang tinggi dalam kalangan anak-anak terhadap kepentingan menjaga ibu bapa yang menjadi tanggungjawab mereka.

“Oleh itu, tindakan menghantar ibu bapa ke institusi penjagaan warga emas sepatutnya langkah terakhir dan bukannya tindakan permulaan dalam menyelesaikan masalah penjagaan golongan itu dalam keluarga.

“Atas dasar itu, kita laksana langkah intervensi, iaitu mereka yang ingin hantar ibu bapa ke pusat jagaan akan melalui proses rujukan dengan pegawai kes dan kaunselor.



Secara purata kerajaan membelanjakan RM1,400 sebulan untuk menyediakan pelbagai keperluan setiap warga emas di pusat jagaan JKJ.

# Pusat jagaan warga emas hadapi masalah dana

Berita Harian (17/1/2022) Page 2

## Rumah orang tua kendalian NGO akui perlu RM6,000 sebulan urus penghuni

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pusat jagaan warga emas kendalian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menawarkan khidmat secara sukarela tanpa menerima bantuan daripada kerajaan, mengakui berdepan kekangan kewangan untuk menguruskan institusi berkenaan.

Pengetua Rumah Orang Tua Bukit Bethel di Kedah, William Khor, berkata pusat jagaan warga emas diuruskan pihaknya yang beroperasi sejak lebih 50 tahun

lalu turut berdepan cabaran mengumpul dana bagi meneruskan operasi setiap bulan.

Beliau memberi contoh mereka memerlukan sekurang-kurangnya RM6,000 setiap bulan untuk membeli makanan, ubat-ubatan dan barangan keperluan harian terutama lampin pakai buang bagi 15 penghuni dengan setiap penghuni diperuntukan sekurang-kurangnya RM300.

"Antara kos paling tinggi adalah membeli lampin pakai buang, belanjanya kira-kira RM1,500 bagi semua 15 warga emas yang tinggal di sini.

"Kami beroperasi dengan mencari peruntukan sendiri, selain mengharapkan sumbangan oleh orang ramai, kami buat program untuk cari duit kerana tiada bantuan daripada kerajaan," katanya kepada BH.

Khor berkata, pusat jagaan itu hanya menempatkan wanita berusia antara 68 hingga 94 tahun yang dimasukkan berdasarkan



Antara kos paling tinggi ialah menyediakan lampin pakai buang untuk keperluan penghuni rumah warga emas. (Foto hiasan)

maklumat orang awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan hospital.

"Mereka biasanya dihantar kepada kami kerana tiada waris, jadi kami tidak mengenakan sebarang bayaran untuk menetap di rumah jagaan ini," katanya.

Beliau mengimbau kisah yang mana seorang warga emas ditinggalkan oleh waris di hospital selama lebih enam bulan tanpa dipedulikan ahli keluarga.

"Hampir setengah tahun warga emas itu berada di hospital sebelum kami mengambilnya untuk dibawa masuk ke pusat jagaan ini.

"Ada juga kes di mana kami sendiri 'mencari' warga emas yang tidak dipedulikan seperti tidur di bawah tangga beralaskan kotak sahaja," katanya.

Sementara itu, Pengurus Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlâs di Puchong, dekat sini, Mohd Arif Abdullah Azman, berkata sekurang-kurangnya RM2,000 diperlukan bagi menanggung seorang warga emas di pusat jagaan terbabit yang menempatkan 45 orang.

Beliau berkata, pihaknya kini berdepan cabaran permintaan kemasukan warga emas yang semakin tinggi, namun tidak mempunyai tempat mencukupi serta

masalah kekurangan pekerja.

"Sehingga kini, kelangsungan operasi kami adalah kebanyakannya berdasarkan sumbangan orang ramai dan individu untuk menjaga warga emas yang majoritinya berada dalam keadaan terlantar di sini.

"Bagi waris yang berkemampuan, kami mengenakan bayaran antara RM500 hingga RM1,000 sebulan.

"Namun cabaran utama kami ialah soal mendapatkan dana untuk membayar gaji pekerja yang tinggi, selain masalah ruang tidak mencukupi untuk menampung lebih ramai penghuni," katanya.